

'LENGKAPKAN PENGGUNAAN ANTIBIOTIK'

Trend penyalahgunaan antibiotik secara 'berlebihan' boleh memberi kesan kepada kesihatan individu

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Secara asasnya, antibiotik membantu membentuk semula landskap perubatan moden dan muncul sebagai sekutu penting dalam melawan penyakit berjangkit yang dahulunya dianggap berbahaya atau boleh mengakibatkan maut.

Pengubatan kuat merevolusikan penjagaan kesihatan dengan mentransformasikan jangkitan yang dahulunya mengancam nyawa menjadi keadaan boleh dirawat.

Sekali gus mengurangkan kadar kematian secara drastik dan meningkatkan kualiti hidup berbilang individu.

Pakar Perunding Kanan Mikrobiologi Klinikal Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Zamberi Sekawi berkata, penyalahgunaan dan preskripsi antibiotik secara berlebihan khususnya untuk sakit tekak yang kebanyakannya berpunca daripada virus, kini menjadi isu serius mengancam keberkesanan antibiotik dalam jangka panjang.

Menurutnya, trend itu mendorong peningkatan rintangan antimikrob (AMR), satu isu yang bukan hanya menjejaskan kesihatan individu, malah kesihatan awam pada skala global.

"Jika krisis ini dibiarkan merebak tanpa dipantau, kita mungkin berhadapan dengan era pasca-antibiotik menakutkan, yang mana jangkitan biasa berupaya menjadi risiko kesihatan serius dan prosedur perubatan rutin menjadi lebih berisiko.

"Di Malaysia, cabaran ini semakin meruncing dengan kurangnya kesedaran serta salah faham yang berleluasa mengenai antibiotik.

"Walaupun pelbagai kempen pendidikan dan inisiatif bermatlamat meningkatkan kesedaran dilaksanakan, masih ramai memegang teguh kepada kepercayaan yang boleh menjurus kepada

amalan menjejaskan seperti mengambilnya tanpa preskripsi doktor atau menghentikan rawatan terlalu awal," katanya.

Beliau berkata, ia amat membimbangkan bagi kes sakit tekak yang mana penggunaan antibiotik tidak diperlukan akan menyumbang kepada rintangan.

Jelasnya, kebanyakan kes sakit tekak berbentuk viral dan tidak memerlukan antibiotik.

"Dalam kes sebegini, menguruskan gejala dengan ubat tahan sakit, penghidratan mencukupi dan semburan tekak dengan agen anti-radang boleh memberikan kelegaan yang berkesan seperti disarankan dalam konsensus multidisiplin terkini mengenai rawatan sakit tekak di Malaysia.

"Adalah penting untuk membetulkan salah faham ini dengan memberikan maklumat tepat dan jelas bagi menggalakkan penggunaan antibiotik yang bertanggungjawab dalam kalangan orang awam dan penyedia penjagaan kesihatan.

"Misi ini sangat penting kerana setiap hari berlaku tanpa sebarang tindakan boleh menjejaskan kemajuan perubatan yang tercapai menggunakan pengubatan menyelamatkan nyawa ini.

"Adalah penting bahawa kita bertindak secara tegas bagi memupuk satu budaya pemahaman dan tanggungjawab berkaitan penggunaan antibiotik, bagi memastikan masa depan yang lebih sihat buat semua," katanya.

Katanya, lima mitos utama perlu ditangani mengenai antibiotik. Pertama ialah antibiotik boleh merawat jangkitan virus.

"Salah faham paling berulang-ulang adalah kepercayaan bahawa antibiotik boleh merawat jangkitan virus seperti selesema, demam atau sakit tekak yang lazimnya disebabkan oleh virus.

"Ini tidak benar,



DR ZAMBERI

antibiotik hanya berkesan terhadap jangkitan bakteria, namun masih ramai yang menyalahgunakannya untuk penyakit virus.

"Secara global, kajian menunjukkan sekurang-kurangnya 50 peratus antibiotik dipreskripsikan secara tidak tepat untuk jangkitan virus, sekali gus menyumbang kepada peningkatan rintangan yang tidak diperlukan," katanya.

Dr Zamberi berkata, mitos kedua ialah berhenti mengambil antibiotik lebih awal adalah selamat jika gejala berkurang.

"Ramai pesakit menghentikan pengambilan antibiotik apabila mereka mula berasa lebih sihat dengan anggapan jangkitan sudah sembuh.

"Pemberhentian terlebih awal ini adalah penyumbang utama kepada rintangan.

"Bakteria yang masih hidup selepas rawatan tidak lengkap boleh menyesuaikan diri, bermutasi dan menjadi tahan terhadap antibiotik, menjadikan jangkitan di masa akan datang lebih sukar untuk dirawat.

"Oleh itu, adalah penting untuk menghabiskan keseluruhan dos antibiotik yang ditetapkan doktor bagi memastikan semua bakteria berbahaya dihapuskan," katanya.

Menurutnya, mitos ketiga adalah rintangan antibiotik berlaku pada manusia, bukan bakteria.

"Satu salah faham yang



LIMA mitos antibiotik perlu dihentikan.

biasa adalah bahawa tubuh manusia membentuk rintangan terhadap antibiotik. Realitinya, bakteria menjadi tahan menyebabkan rawatan tidak berkesan.

"Penyalahgunaan antibiotik untuk penyakit seperti sakit tekak, selesema atau demam adalah keadaan yang lazimnya diakibatkan oleh virus.

"Ia menjadikan bakteria semakin kebal dan jangkitan yang dahulunya mudah dirawat kini sukar diatasi.

"Apabila rintangan meningkat, jangkitan yang dahulunya dirawat dengan mudah menggunakan antibiotik, kini mungkin memerlukan pengubatan lebih kuat serta lebih mahal tetapi mungkin tidak selalunya berkesan," katanya.

Katanya lagi, mitos keempat adalah berkongsi atau menggunakan antibiotik lebih tidak berbahaya. Ramai rakyat Malaysia menyimpan lebih antibiotik untuk digunakan kemudian atau dikongsi dengan ahli keluarga, dengan anggapan ia satu penyelesaian yang praktikal.

"Amalan ini amatlah berbahaya. Setiap jangkitan

memerlukan jenis antibiotik, dos dan tempoh rawatan yang khusus.

"Pengambilan pengubatan salah atau dos yang salah, bukan sahaja gagal merawat jangkitan, tetapi juga meningkatkan rintangan," katanya.

Jelas Dr Zamberi, mitos kelima ialah antibiotik diperlukan untuk semua jangkitan. Tidak semua jangkitan bakteria memerlukan antibiotik.

Jangkitan bakteria ringan boleh sembuh sendiri dengan rehat dan penghidratan yang mencukupi.

"Preskripsi antibiotik secara berlebihan untuk jangkitan ringan, terutamanya sakit tekak yang kebanyakannya berpunca daripada virus, hanya mempercepatkan rintangan, mengurangkan pilihan rawatan dan meningkatkan risiko jangkitan super.

"Dalam kes seperti ini, rawatan simptomatik seperti semburan tekak dengan pengubatan dos rendah agen anti-radang mungkin lebih sesuai seperti yang disarankan pakar perubatan di Malaysia," katanya.

Tambahnya, cabaran

rintangan antimikrob (AMR) membuka peluang penting untuk perubahan positif. Setiap individu berpotensi untuk menyumbang kepada masa hadapan yang lebih sihat dengan membuat keputusan termaklum dan menggunakan antibiotik secara lebih bertanggungjawab.

"Dengan menggalakkan orang di sekeliling untuk mengamalkan amalan yang sama, kita dapat membantu mengekalkan keberkesanan antibiotik untuk generasi akan datang.

"Malaysia sudah mencapai kemajuan dalam meningkatkan kesedaran mengenai AMR.

"Dengan usaha pendidikan berterusan, pelaksanaan dasar yang lebih ketat dan komitmen bersama dalam penggunaan antibiotik secara bertanggungjawab, kita boleh melambatkan rintangan dan melindungi kesihatan awam.

"Tindakan mudah dan bertanggungjawab seperti melengkapkan rawatan antibiotik sepenuhnya, mengelakkan pengubatan sendiri dan mendidik orang lain boleh memberi kesan yang besar," katanya.

FOTO: IARKIBNSTP